

14 JUN 1997

Mahathir - Tiba

DR MAHATHIR TIBA UNTUK HADIRI SIDANG KEMUNCAK D-8

Oleh: Mokhtar Hussain

ISTANBUL, 14 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini dari London untuk menghadiri sidang kemuncak Kumpulan Lapan Negara Membangun Islam (D-8) yang bermula esok.

Dr Mahathir yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan para pegawai kanan Turki setibanya di lapangan terbang.

Dr Mahathir kemudian mengunjungi Perdana Menteri Turki Necmettin Erbakan, yang mencadangkan penuuhan D-8 untuk bertindak sebagai pemangkin bagi hubungan dan kerjasama erat di kalangan negara Islam.

Malam ini, Perdana Menteri akan menghadiri majlis jamuan yang diadakan oleh Presiden Suleyman Demirel bagi meraikan Ketua-ketua Negara dan kerajaan D-8.

Mesyuarat esok yang akan dirasmikan oleh Suleyman akan diadakan di Ciragan Palace Hotel, terletak dekat Selat Bosphorus yang memisahkan Benua Asia dan Eropah.

Para pemimpin kumpulan itu dijangka menandatangani Deklarasi Sidang Kemuncak pada sebelah petang diikuti dengan persidangan media bersama. --

Selain Malaysia dan Turki, negara anggota D-8 yang lain ialah Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Nigeria dan Pakistan.

Erbakan melahirkan harapan bahawa D-8 akan berkembang menjadi sebuah perkumpulan kuat yang boleh menandingi Kumpulan Negara Maju (G-7).

Para menteri luar dari lapan negara anggota bermesyuarat di sini pada Januari lepas bagi membincangkan penubuhan kumpulan itu yang antara lain bersetuju mengeneipkan soal politik dan ideologi tetapi sebaiknya memusatkan perhatian kepada kerjasama ekonomi.

Jumlah penduduk negara-negara anggota D-8 ialah 650 juta.

Semasa di Istanbul, Dr Mahathir dijangka mengadakan rundingan dengan para pemimpin lain yang menghadiri sidang kemuncak itu. -- BERNAMA

MOK FAZ